

25/11/1999

Laluan kedua ke Pulau Pinang dibina segera

NIBONG TEBAL, Rabu - Projek pembinaan laluan kedua menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar Semenanjung berharga RM2.2 bilion akan dilaksanakan secepat mungkin.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah bersetuju dengan cadangan berkenaan, berikutan peningkatan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang.

Jambatan berharga RM850 juta dan sepanjang 13.5 kilometer itu siap dibina pada Julai 1982 tetapi kadar lalu lintas yang melebihi 100,000 kenderaan setiap hari, menimbulkan kesesakan di jambatan ketiga terpanjang di dunia.

"Jika tunggu tiga tahun lagi, jambatan itu akan lebih sesak," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian dan meletak batu asas Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai di Bukit Panchor di sini, hari ini.

Menurutnya, keseluruhan reka bentuk laluan kedua sepanjang 11 hingga 12 kilometer itu akan menghubungkan Bagan Jermal di utara Pulau Pinang ke Bagan Ajam di Seberang Prai.

Pada masa yang sama, katanya, kementerian juga masih mempertimbangkan cadangan untuk membina jambatan sepanjang 6.5 kilometer dan terowong merentasi laluan berkenaan seperti reka bentuk Tokyo Bay Bridge.

"Beberapa cadangan reka bentuk sudah dikemukakan dan sedang diteliti sebelum perbincangan akhir diadakan dengan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon," katanya.

Samy Vellu berkata, perjumpaan dengan Koh akan diadakan dalam tempoh terdekat untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai reka bentuk serta pembiayaan projek berkenaan.

Mengenai jambatan sedia ada, Samy Vellu berkata, dua laluan tambahan di kedua-dua arah jambatan berkenaan akan disediakan untuk penunggang motosikal bagi mengurangkan kesesakan sementara laluan baru siap.

Selain itu, Presiden MIC itu juga mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM42 juta untuk melaksanakan tiga projek pembinaan jejambat Keretapi Tanah Melayu Bhd di sini dan Valdor serta laluan persimpangan bertingkat di Bukit Tengah, Seberang Prai Tengah.

(END)